

Masalah sepatutnya selesai tanpa tunjuk perasaan hari ini.

Hak wakil2

rakyat

Oleh Mior Kamarul Shahid,
Ahmad Puad Naha dan
Hanizam Abdullah

terjamin — PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 dengan menegaskan bahawa prinsip kata pemutus oleh hak wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat masih terjamin walaupun kerajaan rela bertolak ansur.

Bagaimanapun, Perdana Menteri sedih kerana penyelesaian masalah pindaan perlembagaan itu sepatutnya tercapai tanpa demonstrasi dan kekeliruan yang sedikit sebanyak mengurangkan perhubungan rakyat dan raja.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tanggungjawab terhadap

kekeruhan itu mestilah dipikul oleh mereka yang sengaja mencetuskan masalah di mana sepatutnya tidak ada masalah.

"Mereka inilah yang dikatakan petualang yang ingin melihat kerajaan dan negara ini diserang dengan bermacam malapetaka," katanya. Beliau bersyukur kerana akhirnya masalah pindaan itu dapat diselesaikan dengan cara tolah ansur seperti mana semua masalah lain di negara ini.

Beliau menjelaskan, keinginan kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu dapat dilihat daripada tawaran yang dibuat.

Pindaan itu bertujuan menghapuskan segala keraguan tentang hak Parlimen membuat undang-undang.

Tiada keraguan

Katanya, dalam pindaan baru perkara 66(5) yang dikemukakan, tempoh 15 hari dipinda menjadi 30 hari.

Beliau menegaskan, yang penting ialah tidak lagi ada keraguan tentang penggunaan syarat perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengambil bahagian secara langsung dalam pengubalan undang-undang.

Sebaliknya, beliau berkafa, ada pendapat yang menyatakan bahwa

Yang di-Pertuan Agong memang mempunyai kuasa tidak memperkenankan mana-mana undang-undang yang ditulus oleh Parlimen.

"Walaupun apa pun pendapat pakar-pakar, yang jelas ialah di bawah peruntukan asal Perkara 66(5), Parlimen tidak terdaya mengambil apa-apa langkah yang diasaskan kepada perlembagaan bagi mengatasi keengganan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pindaan baru yang dikemukakan itu memberi jalan yang terang untuk mengatasi apa-apa kebuntuan jika seandainya baginda tidak bersetuju dengan apa-apa undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen terkluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam perlembagaan yang menentukan kuasa mengikut budi bicara yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa bukanlah menjadi niat kerajaan untuk meminda perlembagaan dengan sewenang-wenang. Tetapi, oleh kerana pada tahun 1983 adalah masa genap untuk meminda kawasan pilihannya, peluang itu diambil untuk menyamak lain-lain peruntukan yang tidak tepat atau tidak kemas.

Katanya, antara peruntukan yang tidak kemas ialah Perkara 66(5) di mana tafsiran boleh dibuat bahawa Parlimen sebenarnya tidak berkuasa dan negara ini diperintah oleh raja yang mempunyai hak mutlak dan tidak tertakluk kepada perlembagaan.

Oleh kerana kelonggaran itu, timbul peristiwa-peristiwa di negeri-negeri yang mana buat satu jangka masa kerajaan negeri memerintah di luar dari undang-undang.

"Supaya peristiwa seperti ini tidak berlaku lagi, maka Perkara 66(5) perulah diperkemas.

Galakan

Perdana Menteri berkata, peristiwa yang berikut daripada pindaan kepada perlembagaan yang dibuat pada bulan Julai lalu jelas menunjukkan bagaimana tidak kemasnya peruntukan Perkara 66(5) itu.

Buat beberapa bulan usaha kerajaan menggubal undang-undang terhalang, sehingga timbul soal sama ada benar atau tidak Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Katanya, orang asing pun, terutama majalah-majalah tertentu, dalam sekelip mata telah menjadi 'royalis' dan memberi galakan kepada pihak-pihak tertentu supaya satu krisis yang berpanjangan tercetus di Malaysia.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia